

10/02/2003

Pelumba kita terus hanyut

Zairee Zahir

KETIKA Le Tour de Langkawi 2003 melabuhkan tirainya dengan peringkat terakhir Kriteria Kuala Lumpur di Dataran Merdeka semalam, cabaran skuad

kebangsaan turut berakhir.

Mahu tidak mahu, barisan enam pelumba yang tinggal di akhir perlumbaan terpaksa mengakui hakikat mereka gagal menepati sasaran yang ditetapkan sebelum perlumbaan, dan tidak jauh berbeza dengan keputusan yang dicatat tahun lalu.

Dalam peringkat terakhir tamat dengan satu lagi henjutan beramai-ramai yang memberikan masa sama dicatat pemenangnya, Ruben Bongiorno dari Panaria-Fiordo, tidak perubahan berlaku dalam senarai berbanding peringkat

kesembilan dan penentuan di Genting Highlands, kelmarin.

Suhardi Hassan menjadi pelumba terbaik negara di peringkat ke-15 yang turut disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, diikuzti Mahazir Hamad (30), Shahrulneeza Razali (63), Sazlee Ismail (73),

Wong Ah Thiam (77) dan Musairi Musa (85).

Namun, keputusan muktamad tetap menyaksikan Malaysia berada di tangga ke-19 daripada 20 pasukan dan keempat daripada lima pasukan dalam saingan kategori Asia.

Dalam senarai individu keseluruhan, Suhardi di tangga ke-55, diikuti Shahrulneeza (64), Musairi (83), Wong Ah Thiam (95), Mahazir (98) dan Sazlee (114) daripada kalangan 122 pelumba yang menamatkan keseluruhan 1,343km jarak kayuhan.

Dalam senarai berpasukan, Malaysia mengumpul jumlah masa keseluruhan 96

jam 33 minit 09 saat, 46:02s di belakang juara keseluruhan Colombia Selle-

Italia dan 22:07s di belakang Iran.

Jurulatih kebangsaan, Daud Ibrahim ketika ditemui berkata, hakikatnya Malaysia gagal memberi cabaran bermakna pada edisi kali ini tetapi tetap berpuas hati dengan kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan setiap pelumba, sama ada dalam latihan mahupun perlumbaan.

"Saya percaya mereka sudah memberikan apa yang terdaya. Sebenarnya kita

tidak gagal sama sekali kerana ada peringkat tertentu pelumba kita dapat menyusup dalam kelompok depan.

"Dalam perlumbaan kriteria hari ini (semalam), Suhardi menduduki tempat

ke-15 yang dikira agak baik memandangkan tempo kayuhan yang cukup laju serta laluan yang berselekeh sempit dan licin kerana hujan.

"Cuma malang, ketika peringkat pendakian ke Genting Highlands kelmarin,

mereka seolah-olah kepenatan dan gagal mempamerkan mutu kayuhan sebaik ketika latihan. Suhardi yang menjadi pelumba terbaik negara kurang sihat kelmarin dan tidak dapat berbuat apa-apa untuk membantu pasukan,"

katanya.

Apapun, Daud gembira apabila melihat sudah ada kerjasama daripada beberapa pihak yang membantu skuad kebangsaan kali ini terutama pasukan dari Institut Sukan Negara (ISN) yang mengawasi keadaan fizikal pelumba ketika pertandingan.

"Kata kunci untuk kejayaan pasukan negara ialah pendedahan kerana pelumba kita hanya berlatih dan sekali-sekala berlumba, menyebabkan mutu mereka meningkat sedikit sedangkan pelumba luar bertanding di kejohanan antarabangsa sepanjang tahun dan meningkat cukup tinggi," katanya.